

# PM minta Britain tunjuk persefahaman lebih baik

UM - 5 FEB 1962

**K**UALA LUMPUR 8 Feb. — Perdana Menteri Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini meminta Britain menunjukkan persefahaman yang lebih baik terhadap masalah-masalah yang dihadapi Malaysia, terutama usaha-usahanya menyusun semula ekonomi negara di samping membina satu bangsa Malaysia bersatu menerusi Dasar Ekonomi Baru.

Dalam rundingannya dengan Setiausaha Luar British, Lord Carrington di Pejabat Perdana Menteri, Datuk Sri Dr. Mahathir berpendapat bahawa Britain begitu lama tidak menunjukkan pengertian azam Malaysia untuk memenuhi hasrat DEB.

Ketua Setiausaha Kementerian Luar, Tan Sri Zakaria Ali memberitahu para pemberita bahawa Datuk Sri Dr. Mahathir memberitahu pemimpin British itu tentang banyak masalah

yang dihadapi Malaysia ialah warisan pentadbiran penjajahan British.

"Ini adalah masalah unik yang memerlukan penyelesaian unik juga," katanya.

Rundingan kira-kira sejam itu dihadiri sama oleh Menteri Luar, Tan Sri Ghazali Shafie dan Pesuruhjaya Tinggi British di Malaysia, Encik William Bentley.

Datuk Sri Dr. Mahathir telah melahirkan rasa tidak puas hati atas sikap Britain terhadap Malay-

sia di samping mengharapkan beberapa perubahan akan dibuat.

Perdana Menteri berpendapat bahawa masanya telah tiba bagi Britain lebih memahami masalah-masalah Malaysia supaya walaupun mereka tidak dapat membantu mengatasi masalah itu, perkara-perkara yang mereka kata dan buat janganlah sampai menghalang pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru.

Datuk Sri Dr. Mahathir mengalu-alukan lawatan Lord Carrington

selama tiga hari ke sini dan berharap ia akan memberi sumbangan ke arah memperbaiki "keadaan".

Tan Sri Zakaria berkata Perdana Menteri juga menjelaskan bahawa pembelian saham yang dilakukan oleh Malaysia ke atas syarikat-syarikat British seperti Sime Darby dan Guthrie tidak merupakan memiliknegarakannya secara pintubelakang.

Pembelian itu dilakukan di pasaran terbuka dan melalui cara-cara biasa dan Britain sepatutnya tidak bertindak balas dengan meminda kod pengambilalih.

Datuk Sri Dr. Mahathir juga melahirkan rasa dukacita terhadap langkah-langkah Pasaran Logam London (LME) menukar peraturan untuk melindungi kumpulan tertentu untuk memerosotkan harga bijih timah.

Beliau menegaskan jika LME boleh memerosotkan harga semasa harga melambung naik, Malaysia tidak nampak mengapa LME tidak dapat memainkan peranan sebagai penyokong apabila harga menurun.

Kerana itulah Malay-

sia memberikan perhatian utama terhadap Perjanjian Timah Antara-bangsa supaya dapat mewujudkan harga yang adil dan stabil, katanya.

Mengenai arahan Perdana Menteri kepada agensi-agensi kerajaan supaya jangan memberi layanan istimewa kepada syarikat-syarikat British dalam mendapatkan kontrak-kontrak, Tan Sri Zakaria berkata perkara itu tidak dibincangkan walaupun rujukan-rujukan mengenainya dibuat.

Menjawab satu pertanyaan, beliau berkata arahan itu tidak membayangkan adanya sebarang diskriminasi terhadap syarikat-syarikat British. Ia hanya memberi layanan sama kepada syarikat-syarikat British dan syarikat-syarikat lain.

Sebelum ini, katanya, syarikat-syarikat British menikmati layanan kerana hubungan tradisional tetapi berikutan dengan arahan Perdana Menteri "mereka diberi layanan yang sama seperti negara-negara lain."

Tan Sri Zakaria menjelaskan bahawa arahan itu adalah perlu dan tidak merupakan diskriminasi kerana Malaysia sekarang sedang berusaha mempelbagaikan kepakaran dan teknologi dalam usaha mengurangkan keadaan yang terlalu bergantung kepada sumber-sumber tertentu.